

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002**

September 2001

VLT 336 – Drama dan Teater Moden Malaysia

Masa : 3 jam

Arahan:

1. **Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi enam [6] soalan dan dua [2] muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.**
2. **Jawab empat [4] soalan sahaja.**
3. **Setiap soalan bernilai 100 markah.**

1. Huraikan sejarah perkembangan drama moden Melayu dari zaman sandiwara hingga ke zaman Teater Kontemporari.
2. Drama Sandiwara merupakan ‘asas drama moden’. Berdasarkan drama-drama yang telah dibincangkan, huraikan kenyataan tersebut.
3. Agenda Kemerdekaan dan pengisianya menjadi topik utama beberapa orang penulis di sekitar tahun 1960an. Berdasarkan beberapa contoh, huraikan bagaimana agenda tersebut dapat memenuhi selera penonton pada zaman tersebut.
4. Watak Kintan, Siti Muslihat dan Sunti Berinai merupakan watak-watak utama yang terdapat di dalam ‘trilogi’ drama Noordin Hassan yang menyerlahkan reaksi beliau terhadap peristiwa-peristiwa sebelum dan sesudah 13 Mei 1969. Jelaskan apa yang ingin disampaikan oleh beliau melalui watak-watak tersebut.
5. Dekad 1980an dan 1990an, telah memunculkan beberapa orang karyawan yang menggunakan isu-isu sebelum kemerdekaan untuk menjelaskan tema yang ingin disampaikan oleh mereka. Jelasnya isu-isu tersebut memenuhi selera penonton. Apakah hasrat ‘tersirat’ yang ingin disampaikan oleh karyawan-karyawan tersebut.
6. Huraikan apakah yang ingin diutarakan penulis melalui DUA[2] dari LIMA[5] drama di bawah:
 - a) Si Bongkok Tanjung Putri [Shahrom Hussain]
 - b) Tamu Bukit Kenny [Usman Awang]
 - c) Cord [K.S. Maniam]
 - d) Pentas Opera [Zakaria Ariffin]
 - e) Selendang Umi [Noordin Hassan]